

Ruj. Kami : ANM.PK.UPA/600-1/1/3(28)
Tarikh : 1 April 2021

Semua Ketua Jabatan Persekutuan /
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PENYEDIAAN PENYATA PENYESUAIAN BAKI ASET ALIH SECARA SUKUAN TAHUN

Surat makluman JANM.BPOPA.600-1/4/1 (19) bertarikh 16 Mac 2021 - Penyediaan Penyata Penyesuaian Baki Aset Alih Secara Sukuan Tahun adalah dirujuk berkenaan perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan, aset alih di iGFMAS diperakaunkan berdasarkan MPSAS dan Polisi Perakaunan Akruan yang berkuatkuasa, manakala Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) direkodkan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan. Pejabat Perakaunan telah ditugaskan untuk memastikan aset alih diperakaunkan dalam iGFMAS dengan tepat dan lengkap. Bagi memastikan aset alih ini diperakaunkan dengan tepat, Pusat Tanggung Jawab (PTJ) Dipertanggung adalah diminta untuk menyediakan **Penyata Penyesuaian Baki Aset Alih (PPAA) Secara Sukuan Tahun** di antara baki aset alih di Sistem iGFMAS dan di SPPA

3. Oleh itu, PTJ Dipertanggung hendaklah menyedia dan menghantar PPAA Secara Sukuan Tahun selepas penutupan akaun akhir bulan Mac, Jun, September dan Disember seperti di **Jadual 1 – Jadual Penghantaran Penyata Penyesuaian Aset Alih Secara Sukuan Tahun oleh PTJ Dipertanggung**. PTJ dikehendaki menghantar PPAA secara emel *softcopy Template PPAA (secara excel)* dan **Penyata Penyesuaian yang telah lengkap ditandatangani Pegawai Penyedia dan Pegawai Pengesah (secara pdf)** ke aset_prk@anm.gov.my berdasarkan tarikh yang ditetapkan. Bersama-sama ini disertakan lampiran-lampiran berikut untuk perhatian dan tindakan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan jua:

- a) **Lampiran 1** - Template Penyata Penyesuaian Baki Aset Alih; dan
- b) **Lampiran 2** - Panduan Pengisian Templat Penyesuaian Baki Aset Alih di SPPA dan IGFMAS Versi 2;

4. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pegawai di Unit Pengurusan Aset JANM Perak seperti di **Lampiran 3** – Senarai PIC UPA Perak atau emel ke aset_prk@anm.gov.my. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

**UNIT PENGURUSAN ASET
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**

JADUAL PENGHANTARAN PENYATA PENYESUAIAN ASET ALIH (PPAA) SECARA SUKUAN TAHUN OLEH PTJ DIPERTANGGUNG

SUKUAN / BULAN	DATA ASET ALIH SEHINGGA	TEMPOH PENYEDIAAN PPAA OLEH PTJ	TARIKH AKHIR / MASA PENGHANTARAN PPAA KE JANM PERAK
Pertama / Mac 2021	31 Mac 2021	01.04.2021 Sehingga 16.04.2021	16 April 2021 (Jumaat) / 12.00pm
Kedua / Jun 2021	30 Jun 2021	01.07.2021 Sehingga 16.07.2021	16 Julai 2021 (Jumaat) / 12.00pm
Ketiga / September 2021	30 September 2021	01.10.2021 Sehingga 15.10.2021	15 Oktober 2021 (Jumaat) / 12.00pm
Keempat / Disember 2021	31 Disember 2021	01.01.2022 Sehingga 14.01.2022	14 Januari 2022 (Jumaat) / 12.00pm